

# LKIM Pahang labuhkan 351 unjam kuboid

BH 05/11/23 MJS 20

**Kuantan:** Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Pahang melabuhkan sebanyak 351 unit unjam jenis kuboid di empat kawasan perairan di negeri ini secara berperingkat tahun ini.

Pengarahnya, Faizal Puasa, berkata peruntukan sebanyak RM800,000 digunakan bagi menajayakan projek berkenaan bagi meningkatkan tangkapan ikan, sekali gus berupaya membantu menyelesaikan kemiskinan nelayan pantai di negeri ini.

Menurutnya, empat lokasi projek melabuhkan unjam itu adalah di perairan Kuantan, Pekan, Nenas dan Rompin yang sebelum ini menjadi penyumbang utama sumber perikanan di negeri ini.

Katanya, dengan adanya unjam ia memberi impak lebih 30 peratus kepada nelayan setempat apabila hasil tangkapan meningkat seterusnya dapat menambahkan pendapatan golongan terbabit.

“Bagi setiap lokasi 13 set unjam dilabuhkan dan setiap satu set terdapat 27 unit jenis kuboid membentuk seperti bangunan konkrit yang



Faiz (kanan) dan Faizal (kiri) memilih ikan pada program memukat di Pantai Sepat, Kuantan, kelmarin.  
(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

sedang dalam proses pembinaan.

“Dengan adanya unjam ia dapat memulihara semula kawasan pembiakan ikan berkualiti tinggi di samping mewujudkan habitat baharu, terutama di kawasan marinovasi,” katanya pada program memukat bersama Pengerusi

LKIM, Muhammad Faiz Fadzil di Pantai Sepat, di sini kelmarin.

Faizal berkata, unjam jenis kuboid bukan sahaja menjadi sarang atau peranti pengumpulan ikan bagi membantu operasi menangkap ikan dan perikanan rekreasi malah turut dapat

mencegah pencerobohan nelayan pukat tunda.

Katanya, selain memancing di kawasan unjam nelayan boleh membawa pelancong yang meminati aktiviti memancing, aktiviti berkenaan juga memberi pendapatan kepada pengusaha bot.

“Kajian yang dilakukan mendapati pelbagai spesies ikan komersial dan jenis ikan karang hidup dan membiak di kawasan unjam, antaranya ikan yang banyak terdapat di situ ialah kerapu, merah, tanda, jenahak, cermin dan tenggiri.

“Setiap tahun pihak LKIM akan meninjau setiap unjam yang dilabuhkan bagi melihat kejayaan, terutama membabitkan taburan ikan dan ketahanan serta keserasian hidupan laut, terutama ikan.

“Saya yakin nelayan di perairan Kuantan, Pekan, Nenas dan Rompin pasti gembira dengan adanya unjam kerana mereka tidak perlu pergi jauh untuk menangkap ikan berbanding sebelum ini dan kos minyak bot dapat dikurangkan,” katanya.